

Headline	Lepasan sekolah gagal tidak pernah diabai		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Feb 2013	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	10	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	120 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	MYR 2,097
Frequency	Daily	PR Value	MYR 6,291



# Lepasan sekolah gagal tidak pernah diabai

**Kuala Lumpur:** Golongan lepasan sekolah yang tidak berjaya tidak pernah diabaikan dan sejak Julai 2001, 1.6 juta terpilih mengikuti latihan kemahiran di 80 kolej komuniti dan kolej seluruh negara.

Pelbagai institusi kemahiran di bawah kementerian dan agensi kerajaan menawarkan program latihan kepada golongan terbabit antaranya Pusat GiatMARA.

Ketua Pegawai Eksekutif Pusat GiatMARA, Meriyam Abd Majid, berkata sejak November 1986 hingga 31 Disember lalu, pusat kemahiran itu memberi latihan dalam 39 bidang termasuk binaan bangunan, automotif dan pendawaian elektrik.

## Mudah dapat kerja

Katanya, pelatih pusat itu mudah mendapat kerja kerana sijil dikeluarkan diiktiraf bukan saja di negara ini, malah antarabangsa menerusi Sijil Profesional GiatMARA.

Beliau berkata, sehingga kini 209 institusi kemahiran itu beroperasi di seluruh negara menerusi program latihan bertekankan praktikal dan kemahiran untuk pekerjaan dalam tempoh enam bulan hingga setahun secara percuma.

“Kami yakin mampu melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020,” katanya ketika dihubungi *BH* semalam.

Kenyataan ini menolak dakwaan dalam manifesto pembangkang, sistem persekolahan dan latihan sedia ada mengabaikan golongan lepasan sekolah yang tidak berjaya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Meriyam berkata, kemahiran pelatih institusi itu terserlah apabila mengungguli Pertandingan Kemahiran Malaysia tiga tahun berturut-turut sejak 2010 termasuk menewaskan universiti unggul dalam bidang teknologi termasuk Universiti Kuala Lumpur (UniKL).